

02 AUG 2003

Mahathir-Keluarga

JALIN HUBUNGAN RAPAT DENGAN KELUARGA LAIN, KATA DR MAHATHIR

PORT DICKSON, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan institusi keluarga menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan keluarga lain.

Beliau berkata ini sudah menjadi amalan setiap anggota keluarga di negara ini.

"Masyarakat kita perlu rapatkan hubungan antara keluarga terutama apabila kita terlibat dalam suatu kegiatan bersama seperti bekerja di sesuatu tempat. Jangan hanya kita bertegur sapa semasa di pejabat sahaja, sebaliknya rapatkan hubungan kekeluargaan dengan keluarga lain.

"Dengan itu apabila sesuatu berlaku kita tidak akan sunyi dan tinggal seorang diri sebaliknya ramai yang akan datang untuk menghulurkan pertolongan. Inilah masyarakat kita," katanya ketika merasmikan Hari Keluarga Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang disertai lebih 500 peserta di Hotel Gouman dekat sini, malam ini.

Turut hadir isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Dengan adanya jalinan itu, Perdana Menteri yakin apabila seseorang kakitangan itu menghadapi masalah atau malapetaka seperti sakit, meninggal dunia, akan ramai orang datang memberikan bantuan secara sukarela.

Perdana Menteri turut meminta setiap anggota masyarakat menganggap institusi kekeluargaan sebagai unit penting bagi membahagiakan masyarakat negara ini.

Beliau berkata ada golongan di sesetengah negara yang menganggap institusi keluarga dan perkahwinan sebagai tidak perlu.

"Mereka bersekedudukan sesuka hati dan tidak tahu mana datang mereka dan tidak mengenali siapa ibu bapa mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata masyarakat negara ini masih berpegang pada nilai-nilai mulia dengan menganggap perkahwinan adalah pengenalan dalam sesebuah institusi keluarga yang bahagia.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa syukur kerana menghadiri hari keluarga JPM itu dan menyifatkannya sebagai yang terakhir untuknya.

"Kalau saya hadir pun selepas ini, tidak sebagai Perdana Menteri, tidak sebagai bos nombor satu bagi JPM," katanya.

Beliau berharap hari keluarga seperti itu dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang.

BERNAMA

APG RP MUN ZB